



rukun NEGARA



Sinopsis

Rukun Negara merupakan ideologi negara yang dibentuk untuk memupuk keharmonian dan perpaduan kaum. Unit ini membincangkan sebab-sebab Rukun Negara diperkenalkan, matlamat serta prinsip Rukun Negara yang perlu difahami dan dihayati oleh setiap warganegara Malaysia. Unit ini juga menjelaskan peranan Rukun Negara dalam kehidupan harian rakyat negara ini.



Apakah yang akan anda pelajari?

- 1 Sebab-sebab pengenalan Rukun Negara.
- 2 Matlamat dan prinsip Rukun Negara.
- 3 Peranan Rukun Negara dalam kehidupan harian.



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

- 1 Memahami isu dan masalah pada masa lalu dengan mengkaji sebab musabab pembentukan Rukun Negara.
- 2 Membuat interpretasi tentang matlamat dan prinsip Rukun Negara.
- 3 Menerangkan perubahan dan kesinambungan perpaduan dalam kalangan masyarakat.



Nilai Teras Sivik

Bertanggungjawab



Ahli Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Latar Belakang Rukun Negara

Rukun Negara merupakan ideologi negara bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan rakyat. Rukun Negara menjadi panduan dan amalan rakyat Malaysia. Rukun Negara mempunyai latar belakang dan sejarah pembentukannya yang unik.

1 Murid-murid ...,
Rukun Negara dimasyhurkan sebagai Pengisytiharan Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Keempat. Rukun Negara diisytiharkan bersempena dengan ulang tahun Hari Kebangsaan yang ke-13 pada 31 Ogos 1970.

2 Siapakah yang tahu latar belakang pembentukan Rukun Negara?

5 Tahniah, Damia dan Zanizal Bagus, nampaknya kamu semua mengetahui latar belakang Rukun Negara dengan amat baik.

4 Cikgu,
Rukun Negara dirangka dan diperkenalkan oleh Jawatankuasa Rukun Negara yang terletak di bawah Majlis Perundingan Negara (MAPEN) pada 4 Mac 1970.

3 Saya tahu cikgu,
Rukun Negara dibentuk setelah pentadbiran negara dijalankan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) selepas peristiwa 13 Mei 1969.



TAHUKAH ANDA?

MAPEN dianggotai oleh 66 orang wakil daripada Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), kerajaan negeri, parti politik, wakil Sarawak dan Sabah, kumpulan agama, badan profesional, perkhidmatan awam, akhbar, guru serta kesatuan sekerja dan majikan.



IMBAS SAYA
MAGERAN



Sebab-sebab Pengenalan Rukun Negara

Terdapat beberapa sebab yang membawa kepada pembentukan Rukun Negara. Antaranya termasuklah perbezaan kegiatan ekonomi, pengasingan tempat tinggal dan perbezaan fahaman politik.

1

Perbezaan Kegiatan Ekonomi

- Pentadbiran British membawa masuk pekerja dari luar untuk bekerja dalam sektor ekonomi.
- Masyarakat diasingkan dari segi kegiatan ekonomi utama dan mewujudkan jurang ekonomi yang tidak seimbang.
 - Orang Melayu – Pertanian sara diri.
 - Orang Cina – Perlombongan dan perniagaan.
 - Orang India – Perladangan.

2

Pengasingan Tempat Tinggal

- Orang Melayu tinggal di kampung dan di kawasan pedalaman. Orang Cina tinggal di kawasan bandar, manakala orang India pula tinggal di kawasan ladang.
- Pengasingan tempat tinggal ini menyebabkan kurangnya peluang berinteraksi antara masyarakat.

3

Perbezaan Fahaman Politik

- Perbezaan fahaman politik merenggangkan hubungan kaum di negara kita.
- Keadaan ini membawa kepada suasana yang tidak harmoni sehingga mencetuskan rusuhan kaum, iaitu peristiwa 13 Mei 1969.

Sumber: Rukun Negara Malaysia. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.



Petempatan orang Melayu.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Orang India bekerja di ladang getah.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Orang Cina bekerja di kawasan lombong bijih timah.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Rukun Negara diperkenalkan untuk mengukuhkan perpaduan dan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat. Kita bertanggungjawab untuk menghayati dan mencapai matlamat dan prinsip Rukun Negara bagi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan.



103.1
K103.4

NOTA GURU

- Bimbing murid untuk memahami sebab-sebab pengenalan Rukun Negara.



Matlamat dan Prinsip Rukun Negara

Rukun Negara mempunyai lima matlamat dan lima prinsip yang menjadi pegangan hidup rakyat Malaysia. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum.

Matlamat

Bahawasanya negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokrasi;
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Prinsip

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita
tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Sumber: Malaysia, 2020. *50 Fakta Rukun Negara*. Kuala Lumpur:
Arkib Negara Malaysia.

NOTA GURU

- Bimbing murid untuk memahami dan mengamalkan matlamat serta prinsip Rukun Negara.

Prinsip Pertama

Kepercayaan kepada Tuhan

Kepercayaan kepada Tuhan bermaksud agama sebagai pegangan utama rakyat Malaysia. Prinsip ini dapat melahirkan rakyat yang menghormati amalan beragama masyarakat lain. Selain itu, prinsip ini juga dapat menyatupadukan masyarakat di Malaysia yang berbilang kaum.



Masyarakat Malaysia mempunyai pegangan agama masing-masing.



Mengapakah amalan beragama penting dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum seperti yang dinyatakan dalam prinsip Rukun Negara?



10.3.2

Prinsip Kedua

Kesetiaan kepada Raja dan Negara

Kesetiaan kepada raja dan negara bermaksud setiap warganegara Malaysia memberikan sepenuh taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara. Prinsip ini menjadikan masyarakat Malaysia bersatu padu dan mempunyai semangat patriotik.



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong bersemayam di atas Singgahsana Istana.



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan memeriksa Kawalan Kehormat Utama Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD).



CEPAT JAWAB

Siapakah Ketua Utama Negara Malaysia?

Sumber: Parlimen Malaysia.

Prinsip Ketiga

Keluhuran Perlembagaan

Keluhuran perlembagaan bermaksud Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara. Melalui konsep ini, tiada institusi yang dapat mengatasi ketertinggian Perlembagaan Persekutuan. Keluhuran perlembagaan juga menuntut rakyat Malaysia menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan perlembagaan.



Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen ke-14 pada 18 Mei 2020.
Sumber: Parlimen Malaysia.




PAK-2.1 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Dengan menggunakan sumber Internet yang sahih, setiap kumpulan diminta mencari maklumat berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan.
3. Setiap kumpulan membentangkan hasil dapatan.



CEPAT JAWAB

Apakah maksud keluhuran perlembagaan?



Istana Kehakiman, Putrajaya.

Prinsip Keempat

Kedaulatan Undang-undang

Kedaulatan undang-undang bermaksud setiap rakyat Malaysia perlu menghormati dan mematuhi segala undang-undang yang ditetapkan. Kepatuhan kepada undang-undang dapat menjamin keharmonian masyarakat dan keselamatan negara. Sebagai rakyat yang taat setia kepada negara, kita perlulah mempertahankan kedaulatan undang-undang negara.



Kompleks Mahkamah Tinggi
Johor Bahru, Johor.



Kompleks Mahkamah Kuching, Sarawak.



Mengapakah kita mesti mengamalkan matlamat dan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan?



CEPAT JAWAB

Mengapakah kita perlu mematuhi undang-undang negara?



K10.8.5

Prinsip Kelima

Kesopanan dan Kesusilaan

Kesopanan dan kesusilaan bermaksud amalan nilai murni yang melambangkan keperibadian rakyat Malaysia. Amalan nilai murni dapat membentuk masyarakat yang berdisiplin, berakhlak mulia serta hidup dalam suasana yang harmoni. Masyarakat juga saling memahami antara satu sama lain serta saling bekerjasama.



PAK-21 Kedai Kopi (Cafe)

1. Seperti suasana di kafe, murid duduk secara berkumpulan di sebuah meja.
2. Guru memberikan tajuk perbincangan "Kesopanan dan kesusilaan menjadi amalan hidup rakyat Malaysia". Apakah kepentingan kita menghayati prinsip Rukun Negara ini?
3. Murid membincangkan tajuk tersebut dan membentangkannya.



AKTIVITI

Hasilkan peta i-Think yang kreatif tentang lima prinsip Rukun Negara.

Rukun Negara sebagai ideologi negara menjadikan rakyat Malaysia mempunyai nilai keperibadian yang baik. Rukun Negara menjadikan masyarakat berbilang kaum hidup bersatu padu dan aman. Oleh itu, amat penting untuk kita mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian.



10.8.2

Peranan Rukun Negara

Rukun Negara berperanan untuk mewujudkan rakyat Malaysia yang bersatu padu dan bersikap toleransi. Rukun Negara menjadi panduan untuk rakyat memupuk semangat setia kawan dan taat setia akan negara.

Meraikan Kepelbagaian Agama dan Kepercayaan

1 Prinsip kepercayaan kepada Tuhan berperanan membentuk masyarakat yang patuh akan ajaran agama dan kepercayaan masing-masing.

3 Kepercayaan kepada Tuhan juga melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai sikap rendah diri, sentiasa bersyukur dan menghargai nikmat yang diberikan oleh Tuhan.

2 Betul, Julia. Masyarakat yang beragama dapat mengelakkan perasaan dengki, khianat, amalan rasuah, penyalahgunaan dadah dan keruntuhan moral.



AKTIVITI Penulisan Pantas

Dalam masa lima minit, catatkan kebaikan yang kita peroleh sekiranya berpegang teguh pada ajaran agama.

NOTA GURU

● Bimbing murid untuk memahami peranan Rukun Negara dalam kehidupan rakyat Malaysia.

Membentuk Masyarakat Malaysia yang Patriotik

Rukun Negara dapat membentuk masyarakat Malaysia yang mempunyai semangat cinta akan negara. Semangat patriotik dapat melahirkan rakyat yang taat setia dan sanggup berkorban demi negara. Patriotisme juga melahirkan rakyat yang menghormati lambang kedaulatan negara seperti bendera Jalur Gemilang, Jata Negara dan lagu *Negaraku*.



Semangat patriotik disemai sejak kanak-kanak.

Memupuk Sikap Menghormati Undang-undang

Rukun Negara dapat membimbing rakyat daripada terlibat dengan kegiatan jenayah yang menggugat keselamatan negara kita. Kepatuhan kepada undang-undang dapat mewujudkan keamanan dan kesejahteraan.



Kempen Anak Muda Bebas Dadah.
Sumber: www.aadk.gov.my.

Mengukuhkan Perpaduan Masyarakat

Masyarakat Malaysia perlu mengamalkan semangat permuafakatan dan bersikap toleransi. Rakyat dibimbing untuk memahami dan menghormati budaya kaum lain melalui Rukun Negara.

Mengapakah undang-undang penting kepada sesebuah negara?



Menerapkan Nilai Murni

Rukun Negara memupuk masyarakat Malaysia agar mereka mempunyai nilai kesopanan yang tinggi dan berbudi pekerti mulia. Nilai ini mewujudkan hubungan yang harmoni dan saling menghormati dalam kalangan masyarakat.



Membentuk Jati Diri Masyarakat Malaysia

Rukun Negara membentuk jati diri yang unggul dalam kalangan masyarakat Malaysia. Rukun Negara juga berperanan untuk membentuk individu yang mempunyai integriti.

Sifat integriti mempengaruhi kecemerlangan dalam pendidikan, kerjaya dan kehidupan. Sifat ini juga dapat menghindari kita daripada melakukan amalan negatif. Contohnya, meniru dalam peperiksaan.

Rukun Negara mewujudkan semangat bertolak ansur, bekerjasama dan saling memahami antara pelbagai kaum di negara ini. Rakyat Malaysia perlu menghayati kepentingan Rukun Negara dalam membentuk jati diri.

Mengapakah Rukun Negara penting dalam membentuk jati diri rakyat Malaysia?

GLOSARI

Integriti bermaksud mempunyai sikap kejujuran yang tulen dan tidak berubah.

CEPAT JAWAB

Mengapakah nilai murni penting dalam kehidupan bermasyarakat?





IMBAS KEMBALI

Latar Belakang Rukun Negara



Sebab-sebab Pengenalan Rukun Negara

- Perbezaan kegiatan ekonomi
- Pengasingan tempat tinggal
- Perbezaan fahaman politik

Matlamat dan Prinsip Rukun Negara

- Lima matlamat
- Lima prinsip
 - KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
 - KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
 - KELUHURAN PERLEMBAGAAN
 - KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
 - KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Peranan Rukun Negara

- Meraikan kepelbagaian agama dan kepercayaan
- Membentuk masyarakat Malaysia yang patriotik
- Memupuk sikap menghormati undang-undang
- Mengukuhkan perpaduan masyarakat
- Menerapkan nilai murni
- Membentuk jati diri masyarakat Malaysia

Unit ini menerangkan sejarah pembentukan dan sebab-sebab Rukun Negara diperkenalkan. Pemahaman terhadap matlamat dan amalan prinsip Rukun Negara dapat melahirkan warganegara yang bersemangat patriotik. Semangat patriotik membantu kita memahami masyarakat Malaysia yang akan dipelajari dalam unit seterusnya.



FIKIR DAN JAWAB

Berdasarkan pengetahuan anda, padankan prinsip Rukun Negara dengan situasi yang berikut:

Kepercayaan kepada Tuhan

Kesetiaan kepada raja dan negara

Keluhuran perlembagaan

Kedaulatan undang-undang

Kesopanan dan kesusilaan

Prinsip

Situasi

1



Amsyar merupakan seorang murid yang tinggal agak jauh dari sekolahnya. Amsyar menggunakan basikal untuk pergi dan balik sekolah. Sepanjang perjalanannya, Amsyar sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya demi memastikan keselamatan dirinya.

2



Ketika balik dari sekolah selepas aktiviti kokurikulum, Mardiana melihat seorang nenek yang bertongkat menghadapi masalah ketika ingin melintas jalan. Mardiana telah memimpin nenek tersebut sampai ke seberang jalan dengan selamat.

3



Ethan merupakan seorang graduan dalam bidang undang-undang dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau merupakan seorang ahli Parlimen Malaysia. Ethan terlibat dalam proses pengubalan undang-undang di dalam Parlimen Malaysia.

4



Keluarga Geetha merupakan keluarga yang mementingkan hubungan yang baik dengan jiran tanpa mengira kaum. Pada suatu hari, bapa Geetha telah dimasukkan ke hospital kerana demam panas. Geetha sekeluarga dan jirannya berdoa mengikut kepercayaan masing-masing agar bapanya kembali pulih seperti sediakala.

5



Sarjit Singh terpilih untuk mengikuti latihan komando di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia. Beliau amat berminat dalam bidang ketenteraan. Beliau rela berkorban demi mengekalkan kemerdekaan dan mempertahankan kedaulatan negara tercinta.



IMBAS SAYA

Fikir dan jawab



CINTA AKAN NEGARA

Menghayati dan mengamalkan Rukun Negara dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu, harmoni dan sejahtera. Rukun Negara perlu dijadikan panduan hidup semua warganegara Malaysia.



Masyarakat

Masyarakat yang saling memahami dan bertolak ansur mewujudkan keharmonian serta kesejahteraan.

Diri

Menghayati dan mengamalkan Rukun Negara menjadikan kita sebagai individu yang berbudi bahasa dan saling menghormati.

Negara

Keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dapat mengukuhkan kestabilan dan kemajuan negara.